



18 Mei 2016

Hari ini UKM berusia 46 tahun

"Kamu ditempatkan di Fakulti Sains kat Jalan Pantai Baru Kuala Lumpur" kata kerani yang mendaftarkan nama saya di Pejabat Pendaftar UKM Bangi. Seingat saya nama kerani tu abang Misro.

5 November 1979 saya masuk bilik makmal yang tertera namanya Bilik Gelap. Khalil Alwi (Haji) menyambut saya. Beliau seorang Pembantu Makmal di situ tetapi tugasnya mengambil gambar.

Maka jadilah saya seorang kakitangan UKM seperti orang lain yang masuk kerja keluar kerja di kampus sementara di Jalan Universiti Petaling Jaya. Pejabat pentadbiran kami di Jalan Pantai Baru Kuala Lumpur. Ketika itu kampus tetap UKM telah ada di Bangi. April 1982 kakitangan makmal UKM mula berpindah ke Bangi.

Ketika itu Bandar Baru Bangi belum membangun seperti sekarang. Pengangkutan utama ialah bas Sum untuk ke UKM manakala bas Foh Hup jika hendak ke Kuala Lumpur. Kalau cerita pasal sesak dalam bas usah cakaplah. Naik bas ikut tingkat adalah perkara lumrah.



Saya bertuah kerana waktu itu dapat berkawan dengan staff senior UKM yang memiliki nombor pekerja angka dua dan tiga. Abang Dali, Abang Alias, Wak Repin, Md Zain, Mimi Nora, Md Noor Hassan, Seberi, Baba, Minhat adalah diantara nama-nama orang lama UKM. Sebagai budak baru, saya banyak bercampur dengan mereka.


Saya diantara staff yang melihat susah payah membangunnya UKM. Kalau nak cerita soal peralatan fotografi ketika itu tidaklah secanggih sekarang. Tapi

Arkib Blog

Mei (4) ▾


- MUKA UTAMA

EBook Seni Foto



Seni Foto menjadi media penting dalam apa jua bidang. Seni Foto boleh menjadi sumber pendapatan tambahan. EBook hasil tulisan saya kini telah berada di pasaran dengan RM 20 dan diskaun RM 15 di pasaran Google Book. EBook mampu membantu menerangkan teknik terbaik untuk menghasilkan gambar dengan menggunakan kamera atau telefon pintar. Sila tekan imej di atas untuk preview.
<https://books.google.com.my/books?id=VUYQEAQBAJ> Tempahan boleh dibuat di roraai212@gmail.com

Buku Untuk Dijual



dari situlah kami menghasilkan gambar-gambar hasil penyelidikan pensyarah dan pelajar. Ramai diantaranya kini menjadi saintis, Profesor, tokoh-tokoh terkenal di negara kita.

Pernah sekali tu Dato' Sri Liow Tiong

Lai menanya saya

dalam satu majlis di UKM "ehhh U masih kerja ?....Ini kawan lama masa saya buat tesis dulu" sambil memandang wajah Naib Canselor ketika itu. Beliau adalah alumni UKM yang pernah menggunakan idea saya untuk merakam gambar spesimennya.

"Nak tahu apa kerja saya masa kat UKM dulu tanya Raai ni...." kata Ketua Pengarah FRIM dalam satu majlis di UKM.

Itu adalah antara imbasan kenangan dengan alumni UKM yang telah menjadi orang hebat. Saya melihat pembangunan UKM didepan mata. Banyak kisah pahit manis. Banyak kisah suka duka yang saya lihat menerusi mata dan kamera. Ada kisah yang boleh diceritakan ada kisah yang harus dirahsiakan.

Ada individu meluahkan rasa hati apabila gagal dalam temuduga. Ada kisah susah payah membuat kajian dimakmal. Ada kisah diusik makhluk halus dan sebagainya.

Kisah menarik bila hari gaji. Sistem menggunakan cek. Pergi mengambil cek di Jalan Pantai Baru kena tukar di Bank Bumiputra Universiti Malaya. Gaji ketika tu kecil lagi tapi nak dapat wang separuh hari kena beratur.

Pada tahun 1982 pembangunan UKM belum lengkap. Jalan masuk dari pintu utama hanya tamat di Fakulti Sains. Bangunan Dewan Anwar Mahmud dan Fakulti Ekonomi masih dalam pembinaan.

Saya berkhidmat di Fakulti Sains hingga 2007. Julai 2007 saya berhijrah ke Penerbit UKM. 2013 saya ditempatkan di Pusat Komunikasi Korporat.




Kisah jodoh. Oleh kerana UKM masih baru dan belum wujud banyak pejabat kerajaan dan swasta ketika itu maka skop jodoh banyak berlengkar dalam UKM. Majoriti UKM mendapat jodoh dari kalangan staffnya.

Catatan ini saya buat sempena 46 tahun UKM. Saya cuma ada setahun lebih lagi untuk bersara. Saya tidak akan tamat cacatan ini setakat ini. Insyaallah ia akan diteruskan selepas bersara kelak.



MASJID MADINA

By Raai Osman



PANTAI KUALA ABANG

By Raai Osman

Senarai Blog Saya

Air Mata Ketika Menunaikan Haji
Pergerakkan Dari Mina, Padang Arafah,
Muzzalifah ke Masjidil Haram
Setahun yang lalu

Dari Sik ke Bangi
Dari Daerah Permai Ke Lembah Rezeki
5 bulan yang lalu

EBook
Ebook: Seni Foto Di Google Book
3 minggu yang lalu

Jelajah Masjid Dengan Fotografi
Susunan Makmum Ketika Solat Jemaah
Setahun yang lalu

Kenali Saya
KENALI SAYA
2 tahun yang lalu

Perjalanan Dua Umrahku
Kekuatan Doa & Rahmat Allah
Setahun yang lalu

Saya Jurufoto
Bermula di Pusat Latihan Belia Negara Peretak (kini Institut Kemahiran Belia Peretak)
5 tahun yang lalu

Warkah Dari Hospital
Usah Lemah Semangat Ketika Sakit
9 bulan yang lalu

Catatan Banjir Di Malaysia

- Banjir Besar Johor 2006-2007
- Banjir Besar Kelantan 2014

Mengenai Saya

Abd Raai Osman P.J.K

Lihat profil lengkap saya



Sehari Dalam Kehidupan Saya

Masa begitu pantas. Kadang kala kita merasakan bagai tak cukup masa. Andainya apa yang kita lalui itu tidak dicatatkan maka semua yang dialami itu tidak dapat dikenang semula.

Saya bagai tak mahu berehat. Saya lebih berehat bersama dunia saya. Namun masa untuk Allah, Diri sendiri, Keluarga, Masyarakat tetap ada.

Dunia ini tidak mungkin hidup tanpa kita mengharungi masalah.

**Catatan di Liku-Liku Kehidupan konsep cerita sama dengan catatan di Dunia Saya. Dunia Saya lebih kepada catatan peribadi saya.*

- Mei 18, 2016

Tiada ulasan:

Catat Komen

[Catatan Terbaru](#)

[Laman Utama](#)

[Catatan Lama](#)

Langgan: Catat Ulasan (Atom)

Petikan Artikel Saya

Sedang mencari di Google terjumpa satu kertaskerja bertajuk Flood Problem at Junction Kg. Sentang : It causes and the Engineering Solution...



• Setelah Anda Bersara

Oleh: Haji Abd. Raai bin Osman PJK: | KWSP Anda | Kenali Scammer | Kesihatan Dan Wang Setelah Bersara | Seorang yang pernah menjawat ...




• Boria dan Dikir Barat

Boria adalah sejenis teater yang amat popular di negeri utara Malaysia, terutama Pulau Pinang. Secara umumnya a...



Lencana Facebook

Abd Raai Osman



Reka Lencana Anda

PERPUSTAKAAN SAYA

Syukur Alhamdulillah di bawah ini di senaraikan buku-buku yang dibaca dan menjadi sumber rujukan dalam penulisan saya. Buku-buku ini juga menjadi mentor kepada saya ketika bertugas dulu untuk mencetus semangat dan kejayaan dalam kerjaya selama 39 tahun.

Koleksi Buku Agama Islam:

Paling utama ialah Al-Quran

1-Indahnya Hidup Bersyariat